

HOC bantu pulihkan ekonomi negara – Zuraida

BERNAMA | 16 September 2019 3:54 PM



Zuraida Kamaruddin

158

KEPALA BATAS 16 Sept. - Cadangan penganjuran Kempen Pemilikan Rumah (HOC) kepada pembeli warga asing bagi menyelesaikan isu lambakan rumah mewah tidak terjual adalah sebahagian daripada usaha untuk memulihkan ekonomi negara, demikian menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, dengan penjualan rumah mewah tidak terjual itu, kerajaan dapat mencairkan keadaan ekonomi negara sekali gus membuka lebih peluang kepada pemaju untuk merencanakan lagi projek pembangunan perumahan mampu milik di negara ini.

"Pada mereka yang memberikan kritikan itu mungkin mereka tidak faham konsep ekonomi negara. Konsep ekonomi negara bila kita lihat dalam keadaan begini kita harus cuba menyelesaikannya untuk mencairkan keadaan ekonomi negara dan membantu kita memulihkan ekonomi serta industri perumahan.

Sekiranya ia terbeku di situ ada 140 industri hiliran yang terbabit dengan pembangunan industri perumahan.

"Jadi, kalau kita dapat cairkan ini dengan penjualan rumah-rumah ini, bank pun akan dapat menerima bayaran daripada pemaju, lepas itu rancakkan lagi aktiviti ekonomi, aktiviti pekerjaan dan sebagainya* boleh juga merencanakan lagi projek rumah mampu milik yang kerajaan nak buat. Itu asas dia," katanya kepada pemberita selepas majlis pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di sini, hari ini.

Pada Rabu lepas, Zuraida dilaporkan mencadangkan HOC untuk menarik pembeli dari China dan Hong Kong bagi menyelesaikan isu lambakan rumah mewah di negara ini yang bernilai kira-kira RM100 bilion.